

## **Pakaian Ideal Seorang Muslimah (Studi Komparatif dalam Pentafsiran Surah Al-A'raf ayat 26 antara Kitab Tafsir Al-Maraghi dan Tafsir Al-Azhar)**

### **The Ideal Dress of *Muslimah* (Comparative Study in the Interpretation of Surah Al-A'raf verse 26 between *Tafsir Al-Maraghi* and *Tafsir Al-Azhar*)**

**Ana Maftuhatul Khasanah<sup>2</sup>, Mohammad Fattah<sup>1\*</sup>**

<sup>1,2</sup> Institut Dirosat Islamiyah Al-Amien Prenduan (IDIA), Prenduan, Sumenep Madura, Jatim, INDONESIA

\*fattah1973.mff@gmail.com

DOI: <https://doi.org/10.30880/ahcs.2021.02.01.004>

Received 26 January 2021; Accepted 04 May 2021; Available online 25 June 2021

**Abstrak:** Pakaian menjadi salah satu keperluan fitrah manusia agar dapat berinteraksi dengan sesama dalam masyarakat. Pakaian muslimah dapat dimaknai sebagai pakaian untuk perempuan beragama Islam dan berfungsi menutupi aurat sebagaimana ditetapkan oleh ajaran agama dan kebaikan perempuan itu sendiri. Pakaian juga berfungsi sebagai perhiasan, sebagaimana firman Allah SWT dalam al-Qur'an, surah al-A'raf ayat 31. Terdapat dua jenis pakaian iaitu pakaian yang dipakai sebagai suatu kewajiban dan pakaian yang hanya dipakai sebagai hiasan. Penulis akan menghuraikan tentang pakaian yang ideal sesuai dengan konsep syari'ah terutama melalui ayat al-Qur'an surah al-A'raf ayat 26 menurut perspektif dua *mufassir* iaitu Sheikh Ahmad Musthafa al-Maraghi dan Buya Hamka. Jenis penelitian yang digunakan iaitu penelitian kepustakaan yang mengumpulkan data atau menghimpun bahan-bahan pustaka berhubungkait dengan permasalahan yang diteliti. Data primer yang digunakan berasaskan kepada kitab tafsir al-Maraghi karya Sheikh Ahmad Musthafa al-Maraghi dan kitab tafsir al-Azhar karya Haji Abdul Malik Karim Amrullah atau biasa disebut dengan Buya Hamka. Sedangkan data sekunder berasal dari buku-buku yang relevan dalam penelitian ini. Hasil penelitian mengemukakan tentang konsep yang ideal menurut Sheikh Ahmad Musthafa al-Maraghi dan Buya Hamka.

**Kata Kunci:** Pakaian, ideal, muslimah, kontemporari

**Abstract:** Clothing becomes one of the needs of human nature to interact with each other in society. Muslimah clothing can be defined as clothing for Muslim women and its function is to cover the genitals as prescribed by the teachings of the religion and the goodness of women themselves. Clothing also serves as jewelry, as Allah SWT says in the Qur'an Surah al-A'raf verse 31. There are two types of clothing, namely clothing that is worn as an obligation and clothing that is only worn as decoration. Here the author will describe the ideal clothing by the concept of syariah, especially through the verses of the Qur'an surah al-A'raf verse 26 perspective of two commentators Syeikh Ahmad Musthafa al-Maraghi and Buya Hamka. The type of research used library research. It is collecting data or compiling materials (literature review) that have to do with the problems being researched. The primary data used comes from the book tafsir al-Maraghi by Syeikh Ahmad Musthafa al-Maraghi and the book tafsir al-Azhar by Haji Abdul Malik Karim Amrullah or commonly referred to as Buya Hamka. While the secondary data comes from the relevant books in this study. The results of the research put forward the ideal concept according to them.

Keywords: Clothing, ideal, muslimah, contemporary

## 1. Pengenalan

Al-Qur'an merupakan mukjizat Nabi Muhammad SAW yang kekal dan abadi. Kemukjizatnya tidak bertentangan sama sekali dengan kemajuan ilmu pengetahuan baik ilmu pengetahuan klasik ataupun moden. Ia diturunkan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW untuk membawa manusia dari kegelapan yang nyata menuju kecerahan yang abadi serta membimbing manusia yang telah diredhai oleh Allah SWT [1]. Al-Qur'an juga merupakan petunjuk bagi manusia kepada jalan yang lebih lurus [2].

Pakaian menjadi salah satu keperluan fitrah manusia agar dapat berinteraksi dengan sesamanya dalam masyarakat. Pakaian muslimah dapat diertikan sebagai pakaian untuk perempuan beragama Islam dan berfungsi menutupi aurat sebagaimana ditetapkan oleh ajaran agama dan kebaikan perempuan itu sendiri [3]. Selain sebagai penutup aurat, pakaian juga berguna sebagai perlindungan untuk menjaga kesihatan tubuh [4]. Pakaian juga berfungsi sebagai perhiasan, sebagaimana firman Allah SWT dalam al-Qur'an surah al-A'raf ayat 31 dijelaskan bahawa "Pakailah pakaianmu yang indah". Terdapat dua jenis pakaian iaitu pakaian yang dipakai sebagai suatu kewajiban dan pakaian yang hanya dipakai sebagai hiasan.

Menurut ketentuan di dalam agama Islam, batasan aurat bagi kaum perempuan yang harus ditutupi adalah seluruh tubuhnya kecuali muka dan telapak tangan. Dari pernyataan di atas, boleh digaris bawahi bahawa perempuan yang sudah menginjak dewasa wajib menutup auratnya, agar tidak terlihat oleh lelaki yang bukan mahramnya.

Secara umum, umat Islam mengenal perkataan *libas* sebagai pakaian atau sesuatu yang dipakai oleh manusia dan melekat pada tubuh. Dalam bahasa Arab, *libas* ertinya pakaian, percampuran dan menutupi [5]. Dalam kamus Lisan al-Arab, dijelaskan bahawa perkataan *libas* memiliki erti pakaian yang dikenakan, percampuran, ketenteraman, amal soleh, malu, menutupi dan sebagainya [6]. Dari erti dasar ini boleh diketahui bahawasanya perkataan *libas* mempunyai banyak erti bergantung dimana kata tersebut dipakai. Allah SWT berfirman tentang *libas* atau pakaian, yang terdapat dalam al-Qur'an surah al-'Araf ayat 26:

يَا بَنِي آدَمَ قَدْ أَنْزَلْنَا عَلَيْكُمْ لِبَاسًا يُؤَارِي سَوَاتِكُمْ وَرِيثًا وَلِبَاسُ التَّقْوَى ذَلِكَ خَيْرٌ ذَلِكَ مِنْ آيَاتِ اللَّهِ لَعَلَّهُمْ يَذَكَّرُونَ.

Maksudnya: Hai anak Adam, Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepadamu pakaian untuk menutup auratmu dan pakaian indah untuk perhiasan. dan pakaian takwa. Itulah yang

paling baik. yang demikian itu adalah sebahagian dari tanda-tanda kekuasaan Allah, Mudah-mudahan mereka selalu ingat.

Penelitian ini berupaya untuk mengkaji dan menganalisa dengan tujuan agar mampu memahami pakaian ideal seorang muslimah, antara Tafsir Al-Maraghi dan Tafsir Al-Azhar yang tergolong sama-sama tafsir kontemporari namun berbeza dalam mentafsirkannya. Berdasarkan huraian pendahuluan di atas, maka permasalahan dapat dikenalpasti. Maka pengkaji akan menghuraikan tentang pakaian yang ideal sesuai dengan konsep syari'ah terutama melalui al-Qur'an berdasarkan surah al-A'raf ayat 26 daripada perspektif dua orang *mufasssir* iaitu Syeikh Ahmad Musthafa al-Maraghi dan Buya Hamka.

## 2. Metodologi Kajian

Dalam penulisan ini, pengkaji menggunakan metode penelitian kepustakaan atau *library research* [7] iaitu mengumpulkan data atau menghimpun bahan-bahan pustaka (*literature review*) yang ada kaitannya dengan permasalahan yang diteliti.

Adapun sumber data (pustaka) dalam penelitian ini terbahagi kepada dua, iaitu sumber data primer dan sekunder. Sumber data primer yang berasal dari kitab Tafsir al-Maraghi karya Syeikh Ahmad Musthafa al-Maraghi dan kitab Tafsir al-Azhar karya Haji Abdul Malik Karim Amrullah atau biasa disebut dengan Buya Hamka. Sedangkan yang menjadi sumber data sekunder iaitu berasal daripada buku-buku yang relevan dalam penelitian ini. Hasil penelitian mengemukakan tentang konsep yang ideal menurut beliau berdua.

## 3. Tinjauan Umum tentang *Libas* atau Pakaian

Secara etimologi, *libas* berasal dari perkataan لِبَاسًا - يَلْبَسُ - لَبِيسٌ yang bererti penutup, iaitu apa pun yang ditutup. Selain bentuk kata *libas*, juga ditemukan lafaz *al-lubsu* (الْلُبْسُ), *al-labus* (الْلُبُوسُ) dan *al-talbis* (التلبيس), ertinya pakaian atau penutup. Secara terminologi, pakaian muslimah merupakan identiti diri atau penampilan dalam berpakaian, menurut ilmu akidah dan ilmu jiwa pakaian iaitu sebuah cerminan diri seseorang yang ertinya keperibadian seseorang dapat dilihat dari cara berpakaian, misalnya seseorang yang bersikap sederhana, akan dapat dilihat daripada tampilan pakaiannya. Pakaian muslimah disebut juga sesuatu yang dipakai atau dikenakan oleh seorang perempuan muslim dalam melakukan suatu aktiviti atau kegiatan sehari-hari yang bertujuan untuk menutup aurat. Pakaian atau *libas* tersebut adanya unsur penutup, penjaga harga diri, penenteram dan menyelimuti yang dimiliki oleh sebuah pakaian ideal. Kata *libas* terbahagi kepada empat [8], iaitu:

- a. لَبِيسٌ يَلْبَسُ : Mencampur (sesuatu), mencampur dan merata.
- b. لَبِيسٌ : Ragu-ragu dan bimbang.
- c. لِبَاسٌ : Sesuatu yang dipakai dan menutup aurat.
- d. لُبُوسٌ : Sesuatu yang dipakai seperti baju atau alat perang.

Dalam lafaz *wa hunna libasun lakum* (وَهُنَّ لِبَاسٌ لَكُمْ): Pakaian yang dimaksudkan adalah menutupi, *waja'alnal laila libasan* (وَجَعَلْنَا اللَّيْلَ لِبَاسًا): Malam itu disamakan seperti pakaian kerana sesungguhnya kegelapan itu mengelilingi manusia sebagaimana pakaian dikelilingi dengan kain penutup, *libas al-taqwa* (لباس التقوى): yang dimaksudkan adalah iman, *libas al-ju'i wa al-khauf* (لباس الجوع والخوف): pengetahuan keduanya terhadap sesuatu dimana keduanya itu turun.

## 4. Bentuk-bentuk Lafaz *Libas* dalam Al-Qur'an

Berikut lafaz-lafaz yang terdapat dalam al-Qur'an yang diambil dari kata akar **لَبَسَ- يَلْبَسُ** sebagai berikut:

No	Lafaz	Banyak	Surah dan Ayat	Erti Kata	Makkiyah/ Madaniyyah
1	لِبَاسٌ <i>libasun</i>	4 Kali	Al-Baqarah: 187	Pakaian (bagimu)	Madaniyyah
			Al-Baqarah: 187	Pakaian (bagi mereka)	Madaniyyah
			Al-A'raf: 26	Pakaian (takwa)	Makkiyyah
			An-Nahl: 112	Pakaian (kelaparan dan ketakutan)	Makkiyyah
2	لِبَاسًا <i>libasan</i>	3 Kali	Al-A'raf:26	Pakaian (untuk menutup auratmu)	Makkiyyah
			Al-Furqan:47	(Malam sebagai) pakaian	Makkiyyah
			An-Naba':10	(Malam sebagai) pakaian	Makkiyyah
3	لِبَاسُهُمْ <i>libasahum</i>	2 Kali	Al-Hajj: 23	Pakaian mereka	Madaniyyah
			Fatir: 33	Pakaian mereka	Makkiyyah
4	لِبَاسَهُمَا <i>libasahuma</i>	1 Kali	Al-A'raf:27	(Menanggalkan) pakaian keduanya	Makkiyyah
5	لَبُوسٌ <i>labus</i>	1 Kali	Al-Anbiya':80	(Membuat) baju besi (untuk kamu)	Makkiyyah
6	لَبَسٌ <i>labsun</i>	1 Kali	Qaf:15	(Mereka dalam keadaan) ragu-ragu	Makkiyyah
7	لَلْبِيسِنَا <i>lalabisna</i>	1 Kali	Al-An'am: 9	Meragu-ragukan atas mereka	Makkiyyah
8	تَلْبِسُوا <i>talbisu</i>	1 Kali	Al-Baqarah:42	Kamu campur adukkan	Madaniyyah
9	تَلْبِسُونَ <i>talbisun</i>	1 Kali	Ali Imran:71	Kamu mencampur adukkan	Madaniyyah
10	تَلْبِسُونَهَا <i>talbisunaha</i>	2 Kali	An-Nahl: 14	Yang kamu pakai	Makkiyyah
			Fatir: 12	Kamu memakainya	Makkiyyah
11	يَلْبِسْكُمْ <i>yalbisakum</i>	1 Kali	Al-An'am: 65	Dia mencampurkan kamu	Makkiyyah
12	يَلْبِسُوا <i>yalbisu</i>	2 Kali	Al-An'am: 82	Mencampur adukkan (iman mereka)	Makkiyyah
			Al-An'am: 137	(Untuk) mengaburkan	Makkiyyah
13	تَلْبِسُونَ <i>talbisun</i>	1 Kali	Al-An'am: 9	Mereka ragu-ragu atas diri mereka sendiri	Makkiyyah
14	يَلْبِسُونَ <i>yalbisun</i>	2 Kali	Al-Kahf: 31	Mereka memakai (pakaian)	Makkiyyah

## 5. Fungsi *Libas* atau Pakaian

Pakaian adalah keperluan asas manusia yang tidak boleh terlepas daripada kehidupan manusia sehari-hari. Manusia amat memerlukan pakaian kerana pakaian menawarkan berbagai kebaikan dan manfaat bagi pemakainya. Di antara fungsi pakaian adalah antara lain [9]:

### a. Menutup Aurat Manusia

Pakaian yang baik adalah pakaian yang menutupi aurat seseorang. Aurat seboleh mungkin ditutupi agar tidak menimbulkan berbagai hal yang tidak diinginkan terutama dari lawan jenis. Aurat berhubungan dengan rasa malu pada manusia, sehingga orang yang tidak menutup auratnya dengan baik boleh dianggap sebagai orang yang tidak tahu malu oleh orang-orang yang ada di sekitarnya. Allah SWT berfirman di dalam surah al-A'raf ayat 26 "Sebagai pakaian indah untuk perhiasan".

Ayat ini menjelaskan tentang seseorang boleh tampil lebih menarik jika mengenakan pakaian yang tepat. Ditambah dengan aksesoris pakaian dan ditunjang dengan perbaikan penampilan yang dapat meningkatkan daya tarik seseorang di mata orang-orang yang ada di sekitarnya.

### b. Pelindung Tubuh Manusia

Penggunaan pakaian yang baik akan mampu melindungi tubuh dari berbagai hal yang dapat memberikan pengaruh negatif pada manusia. Seperti perlindungan tubuh daripada terik matahari, hujan, hawa dingin, hawa panas, debu, kotoran dan lain-lain. Tubuh yang tidak ditutupi pakaian dengan baik boleh mudah terkena penyakit dan juga lebih mudah kotor. Tentu saja pakaian yang digunakan harus disesuaikan dengan situasi dan kondisi lingkungan yang ada sehingga tubuh terlindungi secara maksimal. Tercantum dalam surah an-Nahl ayat 81 firman Allah SWT "Pakaian yang memelihara kamu dari panas dan pakaian (baju besi) yang memelihara kamu dalam peperangan". Ayat ini menjelaskan tentang fungsi pakaian sebagai pelindung manusia dari sengatan panas dan dingin serta membentengi manusia dari hal-hal yang dapat mengganggu ketenteramannya.

### c. Sebagai Petunjuk Identiti Diri

Manusia boleh menunjukkan eksistensi dirinya sendiri kepada orang lain melalui pakaian yang dikenakan. Orang yang memiliki gengsi yang tinggi tentu saja akan berupaya mengenakan pakaian yang sedang trend atau populer di kalangannya walaupun harganya mahal. Seorang muslimah diharapkan mengenakan pakaian rohani dan jasmani yang menggambarkan identitasnya.

Terdapat dalam surah al-Ahzab ayat 59 Allah SWT berfirman "Supaya melabuhkan pakaiannya bagi menutup seluruh tubuhnya (semasa mereka keluar)". Ayat ini menjelaskan tentang wanita-wanita muslimah diperintah untuk mengulurkan jilbab mereka ke seluruh tubuh mereka supaya mereka lebih mudah dikenal identitasnya sebagai wanita-wanita terhormat sehingga tidak diganggu oleh siapa pun yang hendak berbuat tidak senonoh kepadanya.

## 6. Syarat-syarat Berpakaian dalam Islam

Adapun syarat-syarat berpakaian muslimah dalam Islam, antara lain [10]:

### a. Menutup seluruh anggota tubuh kecuali wajah dan telapak tangan.

Diwajibkan menutup aurat bagi wanita muslimah, yang mana sudah dijelaskan dalam al-Qur'an surah an-Nur: 31 dan al-Ahzab: 59 iaitu pakaian yang menunjukkan iman kepada Tuhan, pakaian yang menunjukkan kesopanan, bukan yang memperagakan badan untuk diperlihatkan kepada bukan muhrim. Terdapat juga dalil hadis mengenai aurat wanita ialah seluruh badannya kecuali wajah dan telapak tangan adalah: Daripada Aisyah RA. Berkata bahawa Asma puteri Abu Bakar RA. Datang menemui Rasulullah SAW dengan menggunakan pakaian yang nipis (transparen), maka Rasulullah SAW berpaling enggan melihatnya dan bersabda: "Wahai Asma, sesungguhnya seorang perempuan jika ia telah haid, maka tidak layak baginya untuk terlihat kecuali bagian ini dan ini, dan beliau menunjukkan kepada wajah dan kedua telapak tangannya. (Abu Dawud 1999. jld. III: 5876).

Menutup wajah dan dua telapak tangan tidaklah wajib bagi wanita, bahkan tidak ada larangan untuk menampilkan perhiasan yang terdapat pada wajah dan dua telapak tangan.

#### b. Pakaiannya harus tebal

Yang dinamakan menutup aurat, tentu bahan yang digunakan harus tebal, bukan hanya sekadar menutupi, namun bahannya tipis, kerana hal itu sama saja dengan tidak menutupi aurat. Bahawa dengan menggunakan kain yang tipis akan mampu menyifati bentuk tubuh dan menebarkan pesona serta memperlihatkan warna kulitnya dan itu adalah hal yang dilarang oleh agama.

### 7. Biografi Buya Hamka

#### a. Riwayat Hidup Buya Hamka

Nama Buya Hamka merupakan singkatan dari nama Haji Abdul Malik Karim Amrullah. Beliau lahir di Nagari Sungai Batang, Tanjung Raya, Kabupaten Agam, Sumatera Barat. Pada hari Ahad, tanggal 17 Februari 1908M atau 13 Muharram 1326H [11]. Beliau adalah ulama dan sasterawan besar Indonesia. Beliau terjun dalam politik (Partai Masyumi), dan menjabat Ketua Pertama Majelis Ulama Indonesia (MUI). Beliau termasuk Pahlawan Nasional Indonesia. Ayahnya juga ulama Islam terkenal Dr. H. Abdul Karim bin Muhammad Amrullah bin Tuanku Abdullah Saleh [12]. Sementara, ibunya bernama Siti Shafiyah Tanjung binti Haji Zakariya yang mempunyai gelar Bagindo Nan Batuah. Dikala mudanya terkenal sebagai guru tari, nyanyian dan pencak silat. Merupakan isteri ketiga daripada Hamka. Dalam perkahwinannya, Shafiyah dikurniakan empat orang anak iaitu Hamka, Abdul Kudus, Asman dan Abdul Muthi. Hamka wafat di Jakarta pada tanggal 24 Julai 1981M ketika berusia 73 tahun, bertepatan dengan tanggal 22 Ramadhan 1401H. Beliau menghembuskan nafas terakhirnya di rumah sakit Pusat Pertamina. Jenazahnya disemayamkan di rumahnya di Jalan Raden Fatah nomor Tiga dan akhirnya dimakamkan di Taman Pemakaman Umum Tanah Kusir, Jakarta Selatan, dipimpin oleh Menteri Agama Alamsyah Ratoe Perwiranegara [13].

#### b. Aktivitas Intelektual Hamka

Pelaksanaan pendidikan pada waktu itu masih bersifat tradisional iaitu dengan menggunakan sistem halaqah. Pada tahun 1916M, sistem klasikal baru diperkenalkan di Sumatera Thawalib Jembatan Besi. Hanya saja, pada saat ini sistem klasikal yang diperkenalkan belum memiliki bangku, meja, kapur dan papan tulis. Materi pendidikan saat itu masih berorientasi pada pengajian kitab-kitab klasik, contohnya Nahwu, Sorof, Mantiq, Bayan, Fiqh dan lain sebagainya. Pendekatan pendidikan dilakukan dengan menekankan pada aspek hafalan. Pada waktu ini, sistem hafalan cara yang paling efektif bagi pelaksanaan pendidikan. Meskipun kepadanya diajarkan membaca dan menulis huruf Arab dan Latin, akan tetapi yang lebih diutamakan adalah mempelajari dengan membaca kitab-kitab Arab klasik dengan standard buku-buku pelajaran sekolah agama rendah di Mesir. Pendekatan pelaksanaan pendidikan tersebut tidak diiringi dengan belajar menulis secara maksimal. Sehingga banyak di antara teman-temannya yang fasih membaca kitab, tetapi tidak boleh menulis dengan baik. Meskipun tidak puas dengan sistem pendidikan waktu itu, namun ia tetap mengikutinya dengan seksama [14].

#### c. Karya-karya Buya Hamka

Hamka menghasilkan karya fenomenal dalam Sejarah Sastra Indonesia, iaitu *Di Bawah Lindungan Ka'bah dan Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Ia juga menghasilkan satu karya yang sangat berharga dan berkontribusi besar bagi pemahaman Agama Islam masyarakat Indonesia iaitu *Tafsir Al-Azhar*. Adapun Karya-karya Buya Hamka, antara lain *Khatib Ummah Jilid I-III* yang ditulis dengan menggunakan bahasa Arab, *Layla Majnun* (1932), *Di Bawah Lindungan Ka'bah* (1936), *Islam dan Demokrasi*, *Perkembangan Tasawuf dari Abad ke Abad*, *Mengembara di Lembah Nil*, *Di Tepi Sungai Dajlah*, *Islam dan Kebatinan*, *Ekspansi Ideologi*, *Falsafah Ideologi Islam*, *Urut Tunggang Pancasila*, *Adat Minangkabau Menghadapi Revolusi*, *Muhammadiyah di Minangkabau*. *Pedoman Muballig Islam* (1937), *Agama dan Perempuan* (1939), *Kedudukan Perempuan dalam Islam* (1973), *Tafsir Al-Azhar I-XXX*, *Studi Islam* (1982), *Sejarah Ummat Islam Jilid I-V* (1951). *Tasawwuf Modern*, *falsafah Hidup: Ayahku* (Riwayat Hidup Dr. Malik Karim Amrullah dan Perjuangan Kaum Agama di Sumatra), *Filsafat Ketuhanan*, *Kenang-Kenangan Hidup Jilid I-IV*, *Lembaga Budi*, *Lembaga Hidup*, *Pendidikan Agama*

Islam Akhlaqul Karimah. Seluruh karya-karya yang di hasilkan Hamka masih banyak yang terdapat dalam majalah-majalah dan berupa ertikel-ertikel lainnya tidak terkumpulkan, keseluruhan karya Hamka sebanyak 118 jilid tulisan yang telah dibukukan, namun masih ada yang belum terkumpul dan dibukukan [15].

#### d. Studi Kitab Tafsir Al-Azhar

##### i. Latar Belakang Penulisan Tafsir Al-Azhar

Karya tafsir Hamka diberi nama dengan Tafsir al-Azhar kerana serupa dengan nama masjid yang didirikan kampung halamannya, Kebayoran Baru, nama ini diilhamkan oleh Syaikh Mahmud Syaltut dengan harapan agar benih keilmuan dan pengaruh intelektual tumbuh di Indonesia. Awalnya Hamka memperkenalkan tafsirnya tersebut melalui kuliah subuh pada jama'ah masjid Al-Azhar Kebayoran Baru, Jakarta.

Pada masa Orde lama tepatnya pada Hari Isnin 27 Januari 1964M, Hamka ditangkap dan dipenjarakan selama 2 tahun dan 7 bulan (21 Januari 1964M-27 Januari 1967M) dengan tuduhan berkhianat pada tanah air sendiri. Selama di dalam penjara Hamka memanfaatkan waktunya untuk menyelesaikan penulisan tafsirnya hingga 30 juz [16].

Tafsir Al-Azhar menitikberatkan penjelasan ayat-ayat al-Qur'an dengan ungkapan yang teliti, menjelaskan makna-makna yang dimaksud dalam al-Qur'an dengan bahasa yang indah dan menarik, dan menghubungkan ayat dengan realitas sosial dan sistem budaya yang ada. Dalam penulisan kitab Tafsir Al-Azhar, juga ditulis berasaskan pandangan-pandangan dan manhaj yang jelas dengan merujuk pada kaedah-kaedah bahasa Arab, tafsir-tafsir ulama klasik, ilmu hadis, ilmu fiqh, asbabun nuzul, nasikh mansukh dan sebagainya. Selain itu Hamka juga berijtihad dalam menganalisis perbandingan antara mazhab [17].

##### ii. Sistematika Penulisan Tafsir Al-Azhar

Tafsir Al-Azhar ditulis dengan mengikuti susunan tertib mushaf Uthmani, dimana Hamka menulis kitab tafsirnya dengan mengikuti urutan mushaf, yang dimulai dari surah al-Fatihah dan diakhiri oleh surah an-Nas. Pada setiap surah, Hamka senantiasa memberikan pengantar pendahuluan, dan di akhir surah beliau mencantumkan ringkasan yang berupa pesan-pesan agar pembaca mengambil pelajaran dari ayat al-Qur'an yang beliau tafsirkan. Pada setiap awal surah, seperti tentang erti surah, jumlah ayat, tempat turunnya ayat. Misalnya surah al-Fatihah (Pembukaan), surah pertama yang terdiri dari 7 ayat, dan diturunkan di Makkah. Terkadang Hamka dalam suatu kesempatan penafsirannya juga mengangkat isu-isu, dan hakikat kontemporer yang telah terjadi.

##### iii. Metode dan Corak Tafsir Al-Azhar

Dalam penyusunan Tafsir Al-Azhar Buya Hamka menggunakan metode tahlili (analitis), tafsir al-Qur'an dengan al-Qur'an, tafsir al-Qur'an dengan hadis, pendapat sahabat dan tabi'in, tafsir dengan tafsir muktabar, penggunaan syair, menggunakan analisis bil ma'thur, menganalisis dengan kemampuan analisis sendiri dan disusun tanpa membawa pertikaian mazhab.

## 8. Biografi Ahmad Musthafa al-Maraghi

Nama lengkap al-Maraghi adalah Ahmad Musthafa Ibn Musthafa Ibn Muhammad Ibn 'Abd al-Mun'im al-Qadhi al-Maraghi. Beliau lahir pada tahun 1300 H/1883M di kota al-Maraghah, Propinsi Suhaj, kira-kira 700 km arah Selatan kota Kairo. Kota al-Maraghah adalah ibu kota Kabupaten al-Maraghah yang terletak di tepi Barat Sungai Nil, berpenduduk sekitar 10.000 orang, dengan penghasilan utama gandum, kapas dan padi [18]. Beliau mempelajari al-Qur'an dan bahasa Arab di tempat kelahirannya. Setelah diterima sekolah di al-Azhar, beliau pindah ke Kairo dan belajar di al-Azhar. Beliau memperlihatkan kegeniusannya di sekolah dan terus mengikuti materi-materi yang disampaikan gurunya, Muhammad 'Abduh. al-Maraghi wafat pada bulan Ramadhan tahun 1364 Hijriyah [19].

Ahmad Musthafa al-Maraghi berasal dari kalangan ulama yang taat dan menguasai berbagai bidang ilmu agama. Hal ini dapat dibuktikan, bahwa 5 dari 8 orang putra laki-laki Syeikh Musthafa al-Maraghi (ayah Ahmad Musthafa al-Maraghi) adalah ulama besar yang cukup terkenal, ialah:

- a. Syeikh Muhammad Musthafa al-Maraghi yang pernah menjadi Syeikh al-Azhar dua period, tahun 1928-1930 dan 1935-1945.
- b. Syeikh Ahmad Musthafa al-Maraghi, pengarang Tafsir al-Maraghi.
- c. Syeikh Abdul Aziz al-Maraghi, pernah menjadi Dekan Fakultas Usuluddin Universitas al-Azhar dan Imam Raja Faruq.
- d. Syeikh Abdullah Musthafa al-Maraghi, pernah menjadi Inspektur Umum pada Universitas Al-Azhar.
- e. Syeikh Abdul Wafa Musthafa al-Maraghi, pernah menjadi Sekretaris Badan Penelitian dan Pengembangan Universitas Al-Azhar.

Ahmad Musthafa al-Maraghi berasal dari keluarga ulama intelek. Al-Maraghi waktu kecil, oleh orang tuanya, disuruh belajar al-Qur'an dan bahasa Arab di kota kelahirannya dan selanjutnya memasuki pendidikan dasar dan menengah. Terdorong keinginan agar al-Maraghi kelak menjadi ulama terkemuka, orang tuanya menyuruhnya agar al-Maraghi untuk melanjutkan studinya di al-Azhar. Di sinilah beliau mendalami Bahasa Arab, Tafsir, Hadis, Fiqh, Akhlak, dan Ilmu Falak. Di antara gurunya adalah Syeikh Muhammad Abduh, Syeikh Muhammad Hasan al-Adawi, Syeikh Muhammad Bahis al-Muti, Syeikh Ahmad Rifa'i al-Fayumi. Dalam masa studinya telah terlihat kecerdasan al-Maraghi yang menonjol, sehingga ketika menyelesaikan studinya pada tahun 1904M, ia tercatat sebagai alumni terbaik dan termuda.

Al-Maraghi adalah seorang ulama yang produktif dalam menyampaikan pemikirannya melalui tulisannya yang terbilang banyak, sebab di samping kedua buku tersebut di atas masih terdapat sejumlah tulisannya, antara lain Tafsir al-Maraghi, 'Ulum al-Balaghah, al-Hisbah fi al-Islam, al-Wajiz fi Usul al-Fiqh, Muqaddimah al-Tafsir, al-Dayana wa al-Akhlaq, Buhus wa Arau fi Funun al-Balaghah [20], Tahdhib al-Tawdih, Risalah fi Mustalah al-Hadis, Sharh Thalathin Hadithan, Risalah fi Zawzat al-Nabi dan lain sebagainya.

Penulisan kitab tafsir Al-Maraghi disusun dengan gaya bahasa yang sesuai, secara ringkas, dan mudah dipahami. Metode yang digunakannya menggunakan metode tahlili, untuk menjelaskan pengertian kata atau tafsir al-mufradat, maknanya secara ringkas, dan asbabun nuzul atau sebab turunnya ayat, serta munasabah atau kesesuaian atau kesamaan. Pada bahagian akhir beliau memberikan penafsiran yang lebih terperinci mengenai ayat tersebut.


Metode penulisan tafsir al-Maraghi, meliputi menyampaikan ayat-ayat di awal pembahasan, penjelasan kata-kata, pengertian ayat secara ijmal atau global, Asbabun Nuzul atau sebab-sebab turunnya ayat, dan mengesampingkan istilah-istilah yang berhubungan dengan ilmu pengetahuan, meliputi Ilmu Sharaf, Nahwu, Balaghah dan lain sebagainya.

## **9. Pentafsiran Buya Hamka dan Al-Maraghi dalam al-Qur'an surah Al-A'raf Ayat 26**

Allah SWT berfirman “Hai anak Adam, Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepadamu pakaian untuk menutup auratmu dan pakaian indah untuk perhiasan. dan pakaian takwa Itulah yang paling baik. yang demikian itu adalah sebahagian dari tanda-tanda kekuasaan Allah, Mudah-mudahan mereka selalu ingat”.

- a. Tafsir Al-Maraghi dalam penafsiran Ahmad Musthafa Al-Maraghi





Penafsiran libas yang terdapat dalam surah al-A'raf ayat 26 dalam tafsir Al-Maraghi menurut Ahmad Musthafa Al-Maraghi, nikmat yang Dia anugerahkan kepada mereka berupa pakaian yang bermacam-macam tingkat dan kualitasnya, dari sejak pakaian rendah yang digunakan untuk menutup aurat dan pakaian yang tinggi berupa perhiasan-perhiasan yang menyerupai bulu burung dalam memelihara tubuh dari panas dan dingin, merupakan keindahan dan keelokan. Pakaian yang paling tinggi dan sempurna, juga pakaian yang lebih rendah dari itu, iaitu pakaian untuk memelihara diri dari panas dan dingin.


Pakaian sebagai perhiasan merupakan untuk memperindah penampilan dihadapan Allah SWT dan sesama umat manusia. Dalil bahawa perhiasan dan keinginan untuk memakainya adalah dibolehkan. Jadi, Islam adalah agama fitrah, tidak terdapat padanya sesuatu yang bertentangan dengan apa yang diperlukan oleh kebutuhan. Menyukai perhiasan termasuk naluri manusia yang paling kuat, yang mendorong mereka untuk menampakkan sunnah-sunnah Allah SWT pada makhluk-Nya. Allah SWT berfirman:

وَلِبَاسُ التَّقْوَىٰ ذَٰلِكَ خَيْرٌ

Ertinya: Dan pakaian taqwa, Itulah yang paling baik.

Pakaian taqwa disebut juga pakaian rohani, maksudnya iman yang kukuh dan perbuatan-perbuatan baik, seseorang yang berpakaian menyembunyikan auratnya tetapi tidak taqwa, maka pakaian jasmani itu akan segera lepas begitu datang godaan. Seorang bertaqwa merupakan seorang yang beriman dan berbuat baik. Tanda iman dan perbuatan baiknya iaitu ia terlebih dahulu menyembunyikan auratnya, kerana itu adalah dasar dan prasyarat mutlak sebuah ketaqwaan.

b. Tafsir Al-Azhar dalam penafsiran Buya Hamka



*Libas* yang terdapat dalam surah al-A'raf ayat 26 dalam tafsir Al-Azhar menurut Buya Hamka, bahawa ayat ini diturunkan bukan hanya untuk orang Arab saja, melainkan bagi seluruh manusia. Ertinya Allah SWT telah mewahyukan kepada mereka pakaian untuk sekadar menutup kemaluan.

Manusia diberi tuntutan untuk memakai pakaian yang bersifat sebagai hiasan, dengan begitu manusia dapat mengenal keindahan. Sedangkan dalam mengertikan *riisyan*, Hamka dengan erti perhiasan sedangkan akar katanya atau makna sesungguhnya menurut Hamka ialah bulu burung.

Bahawa pakaian bukanlah semata-mata dua yang lahir itu saja, tetapi ada lagi pakaian ketiga yang lebih penting, iaitu pakaian taqwa, pakaian rohani. Satu Syair Arab: “Jika seseorang tidak ada memakai pakaian taqwa. Samalah dia dengan bertelanjang, walaupun dia berbaju.”

Memang, berapa banyak terutama orang perempuan, pakaian dan perhiasan mereka itulah yang menelanjangi jiwa mereka kerana di dalamnya tidak ada taqwa. “*The dress makes the man*”, yang ertinya pakaian membentuk orang. Maksudnya, seorang yang miskin sehingga pakaiannya hanya sekadar perlu penutup aurat boleh saja ditumbuhi penyakit rasa rendah diri, jika bercampur dengan orang banyak. Kerana, kekurangan pakaian, orang tidak berani menempuh helat ramai. Maka Allah SWT memberi peringatan bahawa pakaian taqwa lebih baik.

## 10. Pakaian yang Ideal Sesuai dengan Syariah

Wanita muslimah menurut syari’ah Islam iaitu menganut agama Islam dan menjalankan kewajiban serta perintah Allah SWT yang terkandung dalam agama Islam. Wanita muslimah selalu memakai pakaian yang telah ditentukan oleh syari’ah Islam. Wanita muslimah yang faham dengan ajaran agamanya bukan wanita yang memperlihatkan aurat tubuhnya. Namun, juga mempunyai komitmen untuk memakai busana muslimah dengan penuh keyakinan bahawa itu merupakan perintah dari Allah SWT, jiwanya dipenuhi rasa puas terhadap agama yang diturunkan Allah SWT untuk menjaga wanita muslimah, mempercantik keperibadiannya dan untuk menjauhkannya dari perangkap fitnah, jurang kehinaan dan kesesatan. Terdapat dua konsep pakaian menurut Islam iaitu pakaian jasmani, yang bererti busana dan pakaian rohani, yang bererti taqwa.

Pakaian taqwa merupakan pakaian rohani iaitu iman yang kukuh dan perbuatan-perbuatan baik. Pakaian taqwa lebih baik tidak mungkin bererti bahawa boleh tidak menutup aurat dan yang penting adalah taqwa. Di dalam konsep Islam, pakaian jasmani itu penting, namun pakaian rohani juga jauh lebih penting. Justeru pakaian jasmani mendukung pakaian rohani. Namun sebaliknya, pakaian rohani akan nampak pada pakaian jasmani. Dan keduanya saling mendukung dan tidak dapat dipisahkan.

## 11. Kesimpulan

Berdasarkan huraian di atas, dapat disimpulkan bahawa seorang wanita dalam berpakaian atau berbusana muslimah bagi setiap orang adalah wajib dan harus dilakukan, kerana hal tersebut termasuk adab dalam kehidupan sosial dan masyarakat, sesuai dengan syariah Islam.

Lafaz-lafaz yang terdapat dalam al-Qur’an yang diambil dari kata akar *لبس- يلبس* ditemukan sebanyak 10 kali, iaitu dalam surah al-Baqarah ayat 187 sebanyak 2 kali, surah al-A’raf ayat 26 sebanyak 2 kali, dan ayat 27 sebanyak 1 kali, surah an-Nahl ayat 112 sebanyak 1 kali, surah al-Furqan ayat 47 sebanyak 1 kali, surah an-Naba’ ayat 10 sebanyak 1 kali, surah al-Hajj ayat 23 sebanyak 1 kali, dan surah al-Fathir ayat 33 sebanyak 1 kali.

Fungsi pakaian ada tiga iaitu menutup aurat manusia, pelindung tubuh manusia dan sebagai petunjuk identiti diri. Dan syarat-syarat berpakaian dalam Islam haruslah meliputi iaitu menutup seluruh anggota tubuh kecuali wajah dan telapak tangan dan pakaiannya harus tebal.

Menurut penafsiran dalam surah al-A’raf ayat 26 tentang pakaian (*libas*) pendapat Buya Hamka ialah sebagai penutup aurat, perhiasan dan pakaian takwa. Sedangkan, menurut pendapat Syeikh Ahmad Musthafa al-Maraghi iaitu pakaian yang sesuai dengan perkembangan zaman saat ini, dengan bermacam-macam tingkat dan kualitasnya. Pakaian ideal sesuai dengan syariah, sebagai wanita muslimah selalu memakai pakaian yang telah ditentukan oleh syariah Islam mempunyai komitmen untuk memakai busana muslimah dengan penuh keyakinan dari perintah Allah SWT. Pakaian menurut konsep Islam ada dua iaitu pakaian jasmani bererti busana dan pakaian rohani bererti taqwa.

## Penghargaan

Penulis mengucapkan jutaan terima kasih kepada Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) atas sokongan sehingga penulisan ini dapat diterbitkan.

## Rujukan

- [1] Manna Khalil Al-Qattan (2013). *Mabahis fi 'Ulum al-Qur'an*. Terj. Mudzakkir dengan Judul *Studi Ilmu-Ilmu Qur'an*. Bogor: Pustaka Litera Antar Nusa.
- [2] M. Quraish Shihab (2008). *Wawasan al-Qur'an*. Bandung: Mizan.
- [3] Yanggo, H. T, (2010). *Fiqh Perempuan Kontemporer*. Bogor: Ghalia Indonesia.
- [4] Muri'ah, S, (2011). *Nilai-nilai Pendidikan Wanita & Wanita Karir*. Semarang: Rasail Media Group.
- [5] Adib Bisri, M. A, (1999). *Kamus al-Bisri Indonesia-Arab, Arab Indonesia*. Surabaya: Pustaka Progressif.
- [6] Muhammad bin Mukarram bin Manzur al-Misri (1996). *Lisan al-Arab, Juz IV*. Beirut: Dar Shadir.
- [7] Sutrisno Hadi (1999), *Metodologi Research, Jilid 1*. Yogyakarta: Andi Offset.
- [8] Nabil Abd Al-Salam Harun (1997). *Al-Mu'jam al-Wajiz li Alfaz al-Qur'an al-Karim*. Mesir: Dar al-Nashr li al-Jami'.
- [9] Amr, A. A, (1403). *al-Libas wa al-Zinah fi Syari'ati al-Islam*. Beirut: Muassasat al-Risalah.
- [10] Ibnu Khalis (2011). *Segala Jenis Kesalahan Paling Sering Dalam Berjilbab dan Berbusana Muslimah*. Yogyakarta: Diva Press.
- [11] Hamka (1990). *Tasawuf Modern*. Jakarta: Pustaka Panjimas.
- [12] Hamka (1982). *Ayahku, Riwayat Hidup: Abdul Karim Amrullah dan Perjuangan Kaum Muda di Sumatra Barat*. Jakarta: Umminda.
- [13] Noor Chozin Sufri et al, (2004). *Analisis Jurnal Studi Keislaman*. Bandar Lampung: Pusat Penelitian IAIN Raden Intan Bandar Lampung.
- [14] Nur Hamim (2009). *Manusia dan Pendidikan Elaborasi Pemikiran HAMKA*. Sidoarjo: Qithos.
- [15] Rusydi (1983). *Pribadi dan Martabat Buya Hamka*. Jakarta: Pustaka Panjimas.
- [16] Islah Gusmian (2003). *Khazanah Tafsir Indonesia dari Hermeneutika Hingga Ideologi*. Bandung: Teraju.
- [17] Hamka (2015). *Tafsir Al-Azhar*. Jakarta: Gema Insani.
- [18] Hasan Zaini (1997). *Tafsir Tematik Ayat-ayat Kalam Tafsir Al-Maraghi*. Jakarta: Pedoman Ilmu Jaya.
- [19] Tim Penulis. *Ensiklopedi Islam* (2005). Jilid 4, Jakarta: PT. Ichtiar Baru Van Hoave.

- [20] Muhammad Ali Ayazi (1373 H), *al-Mufasssirun Hayatuhum wa Manahijuhum*. Tehran: Maidan Hasan Abad.